SINGAPORE INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Publication: Berita Harian
Date: 23 Oct 2023
Headline: The Determination to become a Physiotherapist is achieved after a Decade

**Tekad jadi pakar fisioterapi tercapai walau sudah sedekad bekerja**

– Muka 3





# Tekad jadi pakar fisioterapi tercapai walau sudah sedekad bekerja

## Dulu kerja di sektor perkhidmatan awam, kini tukar bidang setelah lulus program ijazah Institut Teknologi Singapura

**FAKHRURADZI ISMAIL**
mfismail@sph.com.sg

Ketika Encik Alfian Redzuan memutuskan kembali ke sekolah bagi melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah dalam bidang lain, beliau berdepan dengan pelbagai keraguan dan soalan daripada ahli keluarga serta rakan-rakan.

Manakan tidak, ketika itu usianya sudah mencecah 30 tahun dan beliau mempunyai pekerjaan tetap dan memegang jawatan yang mantap selama hampir sedekad.

Bagaimanapun, Encik Alfian yakin ia merupakan keputusan yang tepat kerana beliau akhirnya dapat memenuhi cita-citanya sejak di bangku sekolah iaitu untuk menjadi seorang pakar fisioterapi.

"Memang itulah impian saya. Namun disebabkan tiada universiti di sini yang menawarkan program ijazah tersebut selepas saya tamat mengambil peperiksaan GCE peringkat 'A', saya mengambil keputusan untuk sebaliknya meneruskan pengajian ijazah dalam bidang falsafah di Universiti Nasional Singapura (NUS).

"Selepas tamat pengajian, saya terus bekerja dalam sektor perkhidmatan awam," kongsi beliau.

Cita-cita untuk menjadi seorang ahli fisioterapi berputik setelah Encik Alfian melihat sendiri pekerjaan yang dilakukan pakar fisioterapi yang merawatnya.

Sebagai atlet pelajar semasa zaman persekolahannya, beliau sering terdedah kepada pelbagai kecederaan.

Meskipun sering mengalami masalah kecederaan belakang, bahu dan lututnya, beliau tetap enggan berhenti bermain sukan ragbi – sukan yang digemarinya sejak di maktab rendah.

Ini tidaklah sehingga satu kemalangan kereta yang memaksanya untuk mempertimbangkan semula penglibatannya dalam sukan itu.

"Pakar ortopedik menasihati saya bahawa saya perlu berhenti bermain ragbi atau terdapat kemungkinan besar yang saya akan berjumpa dengannya bagi pembedahan tulang belakang pada masa akan datang," cerita Encik Alfian, kini 36 tahun.

Setiap kali tubuhnya mengalami kecederaan, pakar fisioterapi akan membantu beliau untuk mendapatkan semula kekuatan serta pergerakannya.

Walaupun beberapa tahun sudah berlalu, Encik Alfian tidak pernah melupakan cita-citanya. Ini, meskipun beliau telah memperoleh pengalaman kerja yang berharga di tempat lain.

Justeru, apabila peluang itu muncul, beliau tidak mengambil masa yang lama untuk membuat keputusan menukar laluan kerjayanya dan memulakan perjalanannya sebagai seorang ahli fisioterapi.

Cita-citanya dapat dicapai dengan adanya program ijazah Fisioterapi yang ditawarkan Institut Teknologi Singapura (SIT) dengan kerjasama Maktab Trinity Dublin (TCD).

Beliau juga merupakan antara Karyawan Kesihatan Bersekutu (AHP) yang dipilih mengikuti program ijazah itu di bawah Program Penukaran Profesional (kini dikenali sebagai Program Penukaran Kerjaya).

"Saya sangat gembira dan berfikir bahawa akhirnya ini boleh menjadi peluang untuk memenuhi cita-cita saya.

"Ia bukanlah satu keputusan yang mudah untuk dibuat pada awalnya kerana banyak perkara bermain di fikiran saya, seperti mampukah saya mengharungi cabaran yang datang dengan program ijazah ini, selain terpaksa membuat pengorbanan lebih-lebih lagi dari segi kewangan.

"Apabila saya memberitahu keluarga saya tentang perkara ini, mereka juga agak teragak-agak sama ada ini merupakan satu idea yang baik. Namun begitu, mereka tetap menyokong keputusan saya," tambahnya.

Encik Alfian akhirnya mendaftarkan diri pada 2019 dan merupakan sebahagian daripada kohort kedua pelajar Program Penukaran Kerjaya (CCP).

Meski merupakan antara pelajar dewasa, Encik Alfian tidak pernah membiarkan perkara itu menghalang beliau daripada mencapai matlamatnya.

Didorong dengan keinginan mahu membantu pesakit dan memberi kesan positif kepada mereka, Encik Alfian bertekad untuk menamatkan program ijazah itu dengan keputusan cemerlang.

Baru-baru ini, Encik Alfian berjaya menamatkan Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam bidang Fisioterapi dan sejak itu telah memulakan kerjayanya sebagai ahli fisioterapi bersama Hospital Ren Ci.

Berkongsi apa yang ingin dicapai dalam kerjaya barunya, beliau berkata:

"Saya berharap dapat berada dalam kedudukan untuk membantu individu meningkatkan mutu hidup mereka – malah sesuatu yang semudah membolehkan mereka pergi ke kedai kopi berdekatan – dan memastikan mereka tidak perlu kembali ke hospital untuk mendapatkan rawatan lanjut."




**RAIKAN KEJAYAAN:** Encik Alfian Redzuan bersama isteri, Cik Filzah Zainal (kiri) dan ibunya, Cik Jamaliah Sutiman (kanan), sewaktu majlis konvokesyen Institut Teknologi Singapura (SIT) baru-baru ini. – Foto SIT

> "Ia bukanlah satu keputusan yang mudah untuk dibuat pada awalnya kerana banyak perkara yang bermain di fikiran saya, seperti mampukah saya mengharungi cabaran yang datang dengan program ijazah ini, selain terpaksa membuat pengorbanan lebih-lebih lagi dari segi kewangan. Apabila saya memberitahu keluarga saya tentang perkara ini, mereka juga agak teragak-agak sama ada ini merupakan satu idea yang baik. Namun begitu, mereka tetap menyokong keputusan saya."
>
> **– Encik Alfian Redzuan, 36 tahun, yang kini bertugas sebagai ahli fisioterapi di Hospital Ren Ci.**

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Reproduced with permission.